

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PAHANG

DOKUMEN SEBUT HARGA

TAJUK : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TONER
PENCETAK UNTUK JABATAN AKAUNTAN
NEGARA MALAYSIA NEGERI PAHANG

NO. SEBUTHARGA : JANM PHG/SH/02/2017

TARIKH TAWARAN DIIKLAN : 16 JANUARI 2017

TARIKH TAWARAN DITUTUP : 6 FEBRUARI 2017

STATUS & KOD BIDANG : Pembekal-pembekal yang **berdaftar dengan
Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah
kod bidang 020601 (Alatulis)

KENYATAAN SEBUT HARGA

A. ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. Kenyataan Tawaran

- 1.1. Tawaran ini dipelawa kepada pembekal-pembekal yang **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang berikut

Kod bidang	Keterangan
020601	Alatulis

- 1.2. Penyebut harga hendaklah memastikan tempoh pendaftarannya dengan Kementerian Kewangan Malaysia sentiasa sah.

2. Tarikh Tutup

- 2.1. Tarikh tutup tawaran sebut harga ialah **6 Februari 2017 (Isnin)** pada jam **12.00 tengah hari**.
- 2.2. Tawaran yang lewat dikemukakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

3. Dokumen Sebut Harga

Penyebut harga boleh mendapatkan dokumen sebut harga di **Unit Perkhidmatan dan Kewangan**, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Pahang pada **hari dan waktu bekerja atau memuat turun daripada Portal JANM Pahang** (www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang).

4. Penyerahan Dokumen Tawaran Sebutharga

- 4.1. Penyebut harga hendaklah **menyerahkan dokumen** berikut yang telah dilengkapkan (**dengan dakwat**) sebelum tarikh tutup ditetapkan :

Bil	Rujukan	Dokumen
i.	Lampiran Q	(Arahan Perbendaharaan 170) - Borang Sebut Harga telah diisi dengan lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani
ii.	Lampiran 1	Jadual Tawaran Harga
iii.	Lampiran 2	Jadual Spesifikasi Perkhidmatan
iv.	Lampiran 3	Surat Akuan Pembida
V	Lampiran 4	Surat Perwakilan Kuasa
Vi	Lampiran 5	Borang Maklumat Penyebutarga
Vii		Sesalinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia
viii		Sesalinan Perakuan Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
ix.		Salinan Penyata Bank untuk <u>tiga bulan terakhir</u>
x.		Sesalinan Surat Permohonan Keputusan Pendaftaran Di Bawah Seksyen 21 Akta Cukai Barang Dan Perkhidmatan dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia

- 4.2. Dokumen yang lengkap seperti **Para 4.1** boleh diserahkan dengan kaedah seperti berikut:

- (i) secara **serahan tangan/pos** di alamat :

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pahang

Tingkat 4 dan 5, Bangunan BSN

Jalan Bank

25000 Kuantan

PAHANG DARUL MAKMUR

(u/p : **Urusetia Sebutharga**)

- 4.3. **Tiada peti sebutharga disediakan** dan sebarang dokumen tawaran hendaklah **dikemukakan secara terus** melalui kaedah yang dinyatakan seperti di Para 4.2 di atas.

- 4.4. **Ketidakpatuhan** kepada keperluan ini akan menyebabkan Dokumen Tawaran Sebut Harga **TIDAK LAYAK DIPERTIMBANGKAN.**

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab, sila nyatakan
nombor ini

No. Sebut Harga :
JANM PHG/ SH/ 02/2017

(Kew. 284-Pin. 5/94)

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI PAHANG

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN


Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat).....	Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap)
.....	Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Pahang Tingkat 4 & 5, Bangunan BSN Jalan Bank, 25000 Kuantan Pahang
No. Telefon :	No. Telefon : 09-5655800
No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan :	Tarikh : 16 Januari 2017
Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini 020601	

Sila beri sebut harga untuk bekalan / ~~perkhidmatan~~ yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat – syarat yang ditetapkan :

- i. Syarat penyerahan / penyempurnaan **Rujuk Syarat-syarat Am**
- ii. Tarikh penyerahan / penyempurnaan dikehendaki **berdasarkan tempoh serahan yang ditetapkan dalam Pesanan Kerajaan.**
- iii. Sebut harga hendaklah dikemukakan dengan bertanda nombor sebut harga – **JANM PHG/SH/ 02/2017**
- iv. Sebut harga hendaklah dihantar tidak lewat pada **jam 12.00 tengah hari 6 Februari 2017 (Isnin).**
- v. secara **serahan tangan/pos ke alamat di atas (u/p : Urusetia Sebutharga)**
- vi. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **60 hari** selepas tarikh tutup.

Tarikh : 13/1/2017

Tandatangan : 
Nama Pegawai : **HAWARIAH BINTI IDRIS, C.A.(M)**
Jawatan : **PENGARAH
JABATAN AKAUNTAN NEGARA
MALAYSIA NEGERI PAHANG**

Bil .	Perihal bekalan dan Syarat – syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti (Unit)	Harga Keseluruhan (RM)	
1	Senarai toner (seperti di Lampiran 2)				
2	Tarikh penyerahan / penyempurnaan ditawarkan				
3	* Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan dibawah kod bidang 020601				
				JUMLAH	
				GST 6%	
				JUMLAH KESELURUHAN	

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih dan telah mengambil kira caj 0.8% bagi penggunaan sistem ePerolehan; dan
- (ii) Tarikh penyerahan / penyempurnaan ialah

Saya / Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan bekalan / perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat – syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat – syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebut Harga :

Nama Penuh :

No. K/P :

Alamat Syarikat :

Tarikh :

B. SYARAT – SYARAT AM

Tertakluk kepada apa – apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat – syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat – syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG – BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir – butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana – mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila – bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan / perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa – apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa – apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana – mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana – mana akhbar, majalah, atau lain – lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa – apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang – undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa – apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa – apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa – apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

**BARANG – BARANG EX-STOK ATAU BARANG – BARANG
KELUARAN MALAYSIA**

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa – apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor catalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur – unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa – apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

18. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 18.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa – apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana – mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 18.2 Sekiranya mana – mana pihak ada menawar atau memberi apa – apa suapan kepada mana – mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan kadar segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 18.3 Tanpa prejudis kepada tindakan – tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak – pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

- 18.4 Mana – mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi mana – mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 18.5 Tambahan Klausula Pencegahan Rasuah Dalam Dokumen Perolehan Kerajaan seperti di Lampiran 3 juga adalah merupakan sebahagian daripada syarat – syarat am bagi sebut harga ini.
- 18.6 Sehubungan itu, semua Penyebut Harga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida** seperti di **Lampiran 3** dan ia adalah wajib dihantar bersama dengan dokumen tawaran sebut harga. Wakil syarikat yang menandatangani **Surat Akuan Pembida** hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat **seperti di Lampiran 4**.

**SENARAI SEMAKAN
PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA BEKALAN**

Sila tandakan / bagi dokumen – dokumen yang disertakan.

Bil.	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Urusetia Sebut Harga
1.	Lampiran Q (Arahan Perbendaharaan 170) -Borang Sebut Harga telah diisi dengan lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Jadual Tawaran Harga (Lampiran 1)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Jadual Pematuhan Spesifikasi Perkhidmatan (Lampiran 2)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Surat Akuan Pembida (Lampiran 3)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Surat Perwakilan Kuasa (Lampiran 4)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Borang Maklumat Penyebutharga (Lampiran 5)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Sesalinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Sesalinan Perakuan Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Sesalinan Surat Permohonan Keputusan Pendaftaran Di Bawah Seksyen 21 Akta Cukai Barang Dan Perkhidmatan dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

<u>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</u>	<u>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</u>
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat – syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p>	<p>Urusetia Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada).</p>
<p>Tandatangan :</p>	<p>Tandatangan :</p>
<p>Nama :</p>	<p>Nama :</p>
<p>Jawatan :</p>	<p>Jawatan :</p>
<p>Tarikh :</p>	<p>Tarikh :</p>
	<p>Tandatangan :</p>
	<p>Nama :</p>
	<p>Jawatan :</p>
	<p>Tarikh :</p>

LAMPIRAN 1

JADUAL TAWARAN HARGA

Bil	Perihal Bekalan dan Syarat-syarat Khas	Warna	Kuantiti (Unit)	Kadar Seunit (RM)	Jumlah (RM)
			a	b	c = a X b
Untuk diisi oleh Kementerian / Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
1	RICOH -SP311DN		15		
2	RICOH -SP3600DN		3		
3	RICOH -SP3600SF		3		
4	PRINTONIX P8205		8		
5	PRINTONIX P7000		8		
6	XEROX 3200MFP		8		
7	CANON CARTRIDGE W		4		
8	CANON EP 22		1		
9	CANON 312		1		
10	TONER OKI B6500		1		
11	TONER HP LASERJET 12A		5		
12	TONER HP LASERJET 13A		1		
13	TONER HP LASERJET 16A		1		
14	TONER HP LASERJET 36A		6		
15	TONER HP LASERJET 49A		10		
16	TONER HP LASERJET 53A		10		
17	TONER HP LASERJET 78A		20		
18	TONER HP LASERJET 80A		30		
19	TONER HP COLOUR LASERJET CE270A	Black	1		
20	TONER HP COLOUR LASERJET CE271A	Cyan	1		
21	TONER HP COLOUR LASERJET CE272A	Yellow	1		
22	TONER HP COLOUR LASERJET CE273A	Magenta	1		
23	TONER HP COLOUR LASERJET CE740A	Black	1		
24	TONER HP COLOUR LASERJET CE741A	Cyan	1		
25	TONER HP COLOUR LASERJET CE742A	Yellow	1		
26	TONER HP COLOUR LASERJET CE743A	Magenta	1		
27	TONER HP COLOUR LASERJET CE410A	Black	1		
28	TONER HP COLOUR LASERJET CE411A	Cyan	1		
29	TONER HP COLOUR LASERJET CE412A	Yellow	1		
30	TONER HP COLOUR LASERJET CE413A	Magenta	1		
JUMLAH			147		

LAMPIRAN 2

JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI

Bil	Perihal Bekalan dan Syarat-syarat Khas	Warna	Kuantiti (Unit)	Pematuhan		Kuantiti yang mampu dibekalkan
				Ya	Tidak	
Untuk diisi oleh Kementerian / Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut Harga		
1	RICOH -SP311DN		15			
2	RICOH -SP3600DN		3			
3	RICOH -SP3600SF		3			
4	PRINTONIX P8205		8			
5	PRINTONIX P7000		8			
6	XEROX 3200MFP		8			
7	CANON CARTRIDGE W		4			
8	CANON EP 22		1			
9	CANON 312		1			
10	TONER OKI B6500		1			
11	TONER HP LASERJET 12A		5			
12	TONER HP LASERJET 13A		1			
13	TONER HP LASERJET 16A		1			
14	TONER HP LASERJET 36A		6			
15	TONER HP LASERJET 49A		10			
16	TONER HP LASERJET 53A		10			
17	TONER HP LASERJET 78A		20			
18	TONER HP LASERJET 80A		30			
19	TONER HP COLOUR LASERJET CE270A	Black	1			
20	TONER HP COLOUR LASERJET CE271A	Cyan	1			
21	TONER HP COLOUR LASERJET CE272A	Yellow	1			
22	TONER HP COLOUR LASERJET CE273A	Magenta	1			
23	TONER HP COLOUR LASERJET CE740A	Black	1			
24	TONER HP COLOUR LASERJET CE741A	Cyan	1			
25	TONER HP COLOUR LASERJET CE742A	Yellow	1			
26	TONER HP COLOUR LASERJET CE743A	Magenta	1			
27	TONER HP COLOUR LASERJET CE410A	Black	1			
28	TONER HP COLOUR LASERJET CE411A	Cyan	1			
29	TONER HP COLOUR LASERJET CE412A	Yellow	1			
30	TONER HP COLOUR LASERJET CE413A	Magenta	1			
JUMLAH			147			

PERHATIAN:

- i. Semua barangan **hendaklah tulen, baru dan belum digunakan. Toner hendaklah asli dan bukannya re-fill**
- ii. Jaminan mutu selama satu (1) tahun dari tarikh penghantaran / penerimaan (katrij, Toner asli yang bocor) hendaklah diganti oleh syarikat tanpa sebarang kos.
- iii. Toner yang dibekalkan sekurang-kurangnya mempunyai tarikh luput minima setahun

Pembekal WAJIB membekal keseluruhan Ink, Katrij dan Toner **14 hari dari tarikh yang dinyatakan dalam Pesanan Tempatan.**

SURAT AKUAN PEMBIDA

Tajuk * Tender/Sebut Harga:.....

No. * Tender/Sebut Harga :.....

Saya, (Nama Wakil Syarikat) nombor K.P:
 yang mewakili
 (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran
 (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa
 saya atau mana – mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau
 memberi rasuah kepada mana – mana individu dalam
 (Nama Kementerian/Jabatan/Agensi) atau
 mana – mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam * tender / sebut harga
 seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat
 seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana – mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba
 menawar atau memberi rasuah kepada mana – mana individu dalam
 (Nama Kementerian/Jabatan/Agensi) atau
 mana – mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam * tender / sebut harga
 seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan – tindakan berikut
 diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi * tender / sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi * tender / sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain – lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang
 berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana – mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
 mana – mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih
 dalam * tender / sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera
 melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
 (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
 (Tandatangan)

Nama :.....

No. K.P. :.....

Cop Syarikat :

- Catatan :
- i) * Potong mana yang tidak berkenaan
 - ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

SURAT PERWAKILAN KUASA

Pengarah
 Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pahang
 Tingkat 4 & 5, Bangunan BSN,
 Jalan Bank,
 25000 Kuantan,
 Pahang Darul Makmur.

Tarikh:

Tuan,

PERWAKILAN KUASA MENANDATANGANI BAGI PIHAK SYARIKAT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan saya,..... no. Kad Pengenalan;.....selaku bahawa Kad pemilik syarikat.....

... akan menandatangani sendiri semua dokumen berkaitan dengan urusan perolehan Sebut Harga bagi Membekal dan Menghantar Toner Pencetak kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pahang **atau** mewakilkan kuasa untuk menandatangani bagi pihak syarikat untuk urusan perolehan tersebut iaitu*:

Nama :
 Alamat :
 Jawatan :
 No. Kad Pengenalan :
 No Telefon :
 No Faks :
 Emel :

3. Sehubungan itu, dikemukakan untuk makluman/ rujukan pihak tuan selanjutnya. Pihak kami akan memaklumkan kepada pihak tuan sekiranya terdapat perubahan penama bagi perkara ini secara rasmi.

Sekian, terima kasih.

.....
(NAMA PEMILIK SYARIKAT)

Jawatan:
 Cop Syarikat:

* potong yang mana tidak berkenaan.

MAKLUMAT BERKENAAN PENYEBUT HARGA

1. **Nama Syarikat:**
(Penyebut Harga)

2. **Alamat syarikat:**

2.1 **Ibu Pejabat:**

.....

.....

.....

Telefon: Faks

2.2. **Cawangan:**

.....

.....

.....

Telefon: Faks

3. **Butiran Perniagaan:**

3.1 **Nombor Pendaftaran Perniagaan/Syarikat:**

3.2 **Tarikh Perniagaan/Syarikat ditubuhkan :**

4. **Pendaftaran Dengan Kementerian Kewangan:**

4.1 **Tempoh Pendaftaran :** Mulai

(Sila sertakan salinan

Sijil Pendaftaran)

: Hingga

4.2 **Taraf Syarikat :** *Bumiputera/Bukan Bumiputera

(Sila sertakan salinan Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia).

5. Butiran Pemilikan Syarikat (Isikan yang berkenaan sahaja)

5.1 Perseorangan:

Nama Pemilik	No. Kad Pengenalan

5.2 Perkongsian:

Nama Perkongsian	No. Kad Pengenalan	Peratus Kongsian

5.2 Sendirian Berhad/Berhad:

5.2.1 Pemegang Saham

Nama Pemegang Saham	No. Kad Pengenalan	Peratus Bahagian

5.2.2 Lembaga Pengarah:

Nama	No. Kad Pengenalan	Keturunan

6. Modal Syarikat: (Isikan yang berkenaan sahaja)

6.1 Perseorangan/Perkongsian: RM.....

6.2 Sendirian Berhad/Berhad

i. Modal Dibenarkan : RM.....

ii. Modal Berbayar : RM.....

- 6.3 Kemudahan kredit/overdraf: RM.....
- 6.4 Purata Kewangan Syarikat bagi 3 bulan: RM
(sila sertakan penyata Bulanan Akaun Bank 3 Bulan terakhir)

7. Komposisi Pekerja:

	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah
7.1 Pengurusan
7.2 Teknikal
7.3 Perkeranian
7.4 Buruh/Kakitangan Rendah

8. Pengalaman Kerja dalam bidang berkaitan (sila isi **Lampiran 8-A**)

A. SKOP PERKHIDMATAN

1. Membekal Dan Menghantar Bekalan Toner

Penyebut harga yang berjaya hendaklah membekal dan menghantar bekalan pelbagai jenis toner pencetak ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pahang, Tingkat 4 & 5, Bangunan BSN, Jalan Bank, 25000 Kuantan, Pahang bagi tempoh satu tahun atau sehingga mencapai jumlah kos keseluruhan harga tawaran.

2. Jenis Bekalan Toner

- 2.1 Penyebut harga hendaklah membekalkan bekalan toner berdasarkan jenis yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran 2**.
- 2.2 Bekalan yang dihantar hendaklah mempunyai jangka hayat penggunaan sekurang-kurangnya setahun dari tarikh terima.
- 2.3 Bekalan yang rendah mutunya atau tidak tulen atau yang berlainan daripada jenis dan jangka hayat penggunaan seperti yang ditetapkan boleh ditolak oleh pihak JANM Negeri Pahang.
- 2.4 Apabila diminta, penyebut harga hendaklah memindahkan bekalan yang ditolak itu atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri dan ia hendaklah membayar balik kepada JANM Negeri Pahang segala perbelanjaan yang telah dilakukan bersangkutan bekalan yang ditolak tersebut.
- 2.5 Perenggan 2.2, 2.3 dan 2.4 di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak JANM Negeri Pahang untuk mendapatkan gantirugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

3. Tempoh Pelaksanaan Perkhidmatan

Penyebut harga yang berjaya hendaklah membekal dan menghantar toner yang dicadangkan dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh Pesanan Tempatan. Sekiranya penyebut harga yang berjaya tidak dapat melaksanakan perkhidmatan mengikut syarat yang ditetapkan di atas dalam tempoh yang ditetapkan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pahang berhak mengenakan denda melalui pemotongan daripada nilai invois yang dituntut oleh penyebut harga.

4. Denda

Sekiranya Syarikat gagal melaksanakan pembekalan dalam tempoh yang ditetapkan atau dalam tempoh lanjutan yang dipersetujui bersama di antara Kerajaan dan Syarikat, maka Syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh tiga puluh (30) hari setelah menerima notis denda daripada Kerajaan. Kadar denda adalah satu peratus (1%) daripada Nilai Sebut Harga untuk setiap hari kelewatan.

5. Jaminan

- 5.1 Penyebut harga hendaklah memberi jaminan bahawa bekalan yang dihantar adalah berkualiti dan memuaskan hati Kerajaan, baru, tulen dan bebas daripada kecacatan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi.
- 5.2 Sekiranya bekalan yang dihantar adalah tidak berkualiti atau tidak memuaskan hati Kerajaan atau apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, penyebut harga hendaklah menggantikan bekalan yang baru tanpa mengenakan sebarang caj tambahan kepada Kerajaan.

6. Pemeriksaan

JANM Negeri Pahang sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa bekalan itu semasa penyerahan bekalan tersebut dan penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan apabila dikehendaki.